

22/06/1999

Pertemuan diatur orang ketiga

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Isnin - Seorang ahli perniagaan hari ini memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim memintanya mengatarkan pertemuan antara beliau (Anwar) dan Tun Haniff Omar untuk berbincang mengenai hal peribadi.

Datuk Andrew Leong Wye Keong, 44, berkata beliau kemudian mengatarkan pertemuan itu di kediaman Anwar suatu pagi pada Oktober 1993.

"Pertemuan itu diadakan pada awal pagi iaitu selepas subuh," katanya.

Sebelum itu, Leong memberitahu mahkamah yang beliau pergi ke rumah Anwar yang kemudian bertanya sama ada beliau (Andrew) boleh mengatarkan satu pertemuan antara beliau (Anwar) dengan Haniff.

Berikutan itu, katanya, pada keesokan hari beliau pergi berjumpa Haniff di pejabatnya di Bukit Aman.

"Saya beritahu Haniff bahawa Anwar ingin berjumpa dan Haniff meminta saya mengatarkan tempat dan masa pertemuan itu," katanya.

Saksi pendakwa keempat itu berkata, pertemuan berkenaan kemudian diadakan di kediaman Anwar di Damansara iaitu dalam sebuah bilik bacaan selama 10 hingga 15 minit tetapi beliau tidak mengetahui apa yang dibincangkan.

Leong yang turut berada di kediaman Anwar pada pagi itu, berkata beliau tidak tahu apa yang berlaku dalam pertemuan berkenaan kerana diminta oleh Haniff supaya menunggu di ruang depan rumah.

"Selepas perbincangan selesai, Anwar mengajak saya bersarapan bersamanya dan Haniff di rumahnya. Sebaik saja selesai sarapan, saya meninggalkan rumah itu," katanya.

Leong juga memberitahu mahkamah bahawa beliau mengenali Haniff selama 17 tahun iaitu sejak Haniff menjadi Ketua Polis Negara. Anwar pula dikenali sejak Anwar menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada 1980-an.

Menjawab pertanyaan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, mengenai perhubungan beliau dengan Anwar, Leong berkata, perkenalannya adalah biasa dan tidak rapat.

Ketika ditanya oleh Abdul Gani adakah beliau cam Anwar yang berada di dalam mahkamah, Andrew menghalakan ibu jarinya ke arah kandang tertuduh sambil tersenyum dan berkata: "Dia berada di kandang tertuduh".

Anwar kemudian mengangkat tangan kanan dan menuding jari ke arah Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang duduk di sebelahnya sebelum memandang ke arah orang ramai dan senyum.

Sementara itu, ketika disoal balas oleh peguambela Anwar, Christopher Fernando, Leong berkata, beliau adalah rakan kepada Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Ketika ditanya ke mana beliau dan Megat Junid selalu pergi, beliau berkata: Kami bermain golf bersama.

Fernando: Kamu bermain poker dengannya?

Leong: Tidak.

Fernando: Kamu berjudi dengannya?

Leong: Tidak.

Fernando: Adakah kamu pasti mengenainya? Kamu membawanya untuk berjudi?

Leong: Sesekali...dalam permainan golf, kami bertaruh.

Fernando: Apa yang kamu maksudkan dengan bertaruh di padang golf?

Leong: Berhubung siapa yang akan membayar untuk makan malam. Selalunya yang kalah akan membayar.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah membantah mengenai soalan Fernando

itu kerana tidak berkaitan sambil berkata pembela tidak boleh menyoal saksi mengenai seseorang yang tidak akan dipanggil untuk memberi keterangan.

Ketika ditanya sama ada beliau mengenali Perdana Menteri, Leong berkata beliau mengenali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri tetapi tidak mengenalinya secara sosial.

Leong berkata, beliau pernah menemui Dr Mahathir di pejabatnya dan juga beberapa kali di kediamannya.

Katanya, beliau kadang kala pergi berseorangan dan kadang kala membawa pelawat asing untuk menemui Dr Mahathir di kediamannya.

Mohtar sekali lagi membantah dan berkata soalan itu tiada kaitan terhadap kes itu.

Bagaimanapun, Fernando berkata, perhubungan saksi itu dengan Perdana Menteri adalah mempunyai kaitan dengan kes itu dan memohon hakim memberi peluang kepada pihak pembela.

Hakim Datuk Ariffin Jaka kemudian tidak membenarkan soalan mengenai perkara itu diteruskan kerana membuat keputusan ia tidak mempunyai kaitan dengan kes.

(END)